

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang dilakukan bersama Kementerian dan agensi lain yang berkaitan dalam perancangan, penguatkuasaan dan perlaksanaan pembukaan semula persempadanan negara bagi tujuan ke rentas negara dan kemasukan pengembara ke Malaysia.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembukaan sempadan negara dibuat secara berhati-hati berdasarkan penilaian risiko semasa jangkitan COVID-19 dalam negara oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mengambil kira maklumat situasi COVID-19 dari negara asal pengembara. Pengurusan pendemik COVID-19 ini dilaksanakan secara '*the whole of government and the whole of nation approach*'.
2. Berkaitan status pertimbangan pembukaan semula sempadan negara, kemasukan warganegara dan warga asing seperti pelajar, diplomat, golongan profesional serta pelabur asing telah pun mula

dibenarkan sejak bulan Jun 2020. Walau bagaimanapun, kebenaran masuk ini adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dan syarat-syarat yang telah ditetapkan termasuklah keperluan menjalani kuarantin wajib di pusat-pusat kuarantin yang disediakan termasuk di hotel-hotel yang ditetapkan.

3. Dalam hal berkaitan, Kerajaan sejak 12 Ogos 2021 yang lalu telah pun membenarkan pengembara dan bukan warganegara yang telah menerima vaksinasi lengkap untuk menjalani kuarantin wajib di rumah atau tempat kediaman. Tempoh kuarantin wajib bagi individu lengkap vaksin turut dipendekkan kepada tujuh (7) hari sahaja manakala bagi individu yang tidak lengkap vaksin dipendekkan kepada 10 hari mulai 18 Oktober 2021 yang lalu tertakluk kepada penilaian risiko dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh KKM.
4. Selain itu, Kerajaan turut mengumumkan beberapa kelonggaran pembukaan sempadan negara melibatkan pemansuhan MyTravelPass bagi memudahcara pergerakan rakyat Malaysia yang ingin keluar negara bermula 11 Oktober 2021 yang lalu. Kebenaran ini sedang dikaji untuk dipanjangkan kepada semua penduduk tetap dan warganegara asing yang menetap di Malaysia merangkumi pelbagai jenis pas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
5. Pihak Kerajaan juga telah memperkenalkan projek rintis protokol *Test and Release* (T&R) dengan syarat perjalanan atau intinerari yang ketat dan terhad bagi lawatan rasmi kepada kumpulan pengembara yang telah dikenalpasti. Selain itu, Kerajaan sedang membuat kajian lanjut untuk memperluaskan kemudahan ini kepada pengembara perniagaan (*business travellers*) dalam masa yang terdekat.
6. Pihak Kerajaan mengambil maklum bahawa pembukaan sempadan negara ini akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi terutama bagi sektor logistik seperti penerangan, makanan dan minuman serta pelancongan. Oleh itu, pihak Kerajaan sedang membuat persiapan untuk mengadakan Gelembung Pelancongan Antarabangsa yang dijangkakan bermula pada bulan November 2021 ini.

NO. SOALAN : 23

7. Langkah lain adalah pihak Kerajaan dengan kerjasama beberapa Kementerian/ Agensi Persekutuan dan Negeri sedang berusaha untuk mengemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan Singapura mengenai SOP bagi *Daily Commuting Arrangement* (DCA) dan pembukaan skim *Vaccinated Travel Lane* (VTL) melalui perjalanan udara dan darat dari Malaysia ke Singapura.
8. Jelas di sini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan bersifat produktif dalam membuat pertimbangan pembukaan semula sempadan negara secara berhati – hati dan tidak terburu – buru. Akhir sekali, pihak Kerajaan ingin memaklumkan bahawa segala ketetapan pembukaan sempadan ini adalah bersifat dinamik yang mana boleh berubah dari semasa ke semasa sekiranya didapati kes COVID-19 di negara luar meningkat demi menjamin keselamatan dan kesihatan Keluarga Malaysia juga.

Sekian, terima kasih.